# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
# (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

RAMLAH BINTI DOLLAH

PENGUSAHA SATE MASTURA, JABI, TERENGGANU

OLEH:


LUQMAN HAKIM ABD AZIZ 2018205704

SITI MARYAM BT DONNIYA 2018260584


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (OKTOBER 2020 – FEBRUARI 2021)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

RAMLAH BINTI DOLLAH

PENGUSAHA SATE MASTURA, JABI, TERENGGANU

OLEH:

LUQMAN HAKIM ABD AZIZ 2018205704

SITI MARYAM BT DONNIYA 2018260584

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (OKTOBER 2020 – FEBRUARI 2021)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Salam penghargaan kami hulurkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyelesaikan tugasan IMR 604 (Pendokumentasian Sejarah Lisan) kami ini.

Assalamualaikum W.B.T diucapkan.

Kami ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Puan Nurulannisa Binti Abdullah, pensyarah IMR 604 di atas segala tunjuk ajar, nasihat dan dorongan beliau dalam menyelesaikan tugasan ini. Tanpa bantuan dan maklumat daripada beliau, kami mungkin tidak dapat menyelesaikan tugasan ini dengan jayanya.

Di samping itu, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Ramlah Binti Dollah sebagai tokoh yang kami temubual bagi berkongsi pengetahuan beliau tentang sejarah dan latar belakang sebagai Pengusaha Sate Mastura, Jabi, Terengganu.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga yang tidak putus-putus memberi sokongan dan dorongan kepada kami untuk menyiapkan transkrip ini. Kami amat menghargainya dan kami akan menjadikannya sebagai perangsang untuk menyiapkan transkrip ini dengan bersungguh-sungguh.

Seterusnya, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang menjayakan tugasan ini.

Sekian, terima kasih.

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini dilakukan bersama pengusaha Sate Mastura Jabi iaitu Puan Ramlah Dollah untuk mengetahui tentang resepi sate beliau dan kejayaan perniagaan beliau yang bermula dari kecil kecilan hingga dikenali ramai. Temubual ini telah dijalankan secara bersemuka. Tarikh temubual tersebut adalah pada 26 Disember 2020 bermula pada jam 10:00 pagi sehingga 11:09 pagi. Puan Ramlah Dollah adalah pengusaha sate. Puan Ramlah Dollah mula mengusahakan perniagaan ketika usianya 10 tahun (1977) bersama ibu angkatnya, Mas Awang. Mereka berniaga di halaman rumah berhampiran Masjid Jabi, Jerteh Besut Terengganu. Sate Mastura menyediakan pilihan untuk pelanggan dengan menjual sate ayam, daging dan hati pada harga 70 sen secucuk. Bagi pengguna jalan raya yang berulang-alik dari Terengganu ke Kelantan, Jabi merupakan hentian yang wajib buat mereka untuk menikmati sate sebelum meneruskan perjalanan. Biarpun sudah banyak kedai sate menjadi pesaing, Sate Mastura tetap menjadi pilihan ramai, malah ramai juga kalangan pelanggannya membeli sate beku untuk dibawa pulang ke luar negara, termasuk Brunei dan Indonesia. Sate Mastura Jabi pernah ditemubual oleh pihak Berita Harian. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh pengusaha Sate ini. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua masyarakat yang ingin memulakan perniagaan.*

***Kata kunci: Sate, Pesaing, perniagaan, masyarakat, pilihan***

## *ABSTRACT*

*This interview was conducted with Sate Mastura Jabi entrepreneur, Puan Ramlah Dollah to find out about her satay recipe and the success of her business which started from small to well known. These interviews were conducted face to face. The date of the interview is on 26 December 2020 from 10:00 am to 11:09 am. Mrs. Ramlah Dollah is a satay entrepreneur. Puan Ramlah Dollah started her business when she was 10 years old (1977) with her adoptive mother, Mas Awang. They do business at their home near Masjid Jabi, Jerteh Besut Terengganu. Sate Mastura provides options for customers by selling chicken and meat satay at a price of 70 sen per piece. For road users commuting from Terengganu to Kelantan, Jabi is a mandatory stop for them to enjoy satay before continuing their journey. Although many satay shops have become competitors, Sate Mastura is still the choice of many, even many of its customers buy frozen satay to take home abroad, including Brunei and Indonesia. Sate Mastura Jabi was once interviewed by Berita Harian. Various tests and challenges have been faced by this Sate operator. Her life and career history can be a source of inspiration to all communities who want to start a business.*

***Keywords: Satay, competitors, business, community, choice***

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN


| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|
| Penghargaan | i - ii |
| Abstrak | iii - v |
| Isi Kandungan | vi - vii |
| Biodata Tokoh | viii - ix |
| Pengenalan | x- xi |
| Transkrip | xii |
| Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh | 1 - 5 |
| Bahagian 2: Sejarah Pendidikan | 6 - 8 |
| Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya | 9 - 10 |
| Bahagian 4: Sejarah bermula Kerjaya Sate | 11 - 22 |
| Bahagian 5: Kejayaan | 23- 24 |
| Bahagian 6: Sumbangan | 25 - 26 |
| Bahagian 7: Harapan | 27 -33 |
| Rujukan | 34 - 35 |
| Lampiran | 36 - 37 |
| Gambar | 37 |
| Log Wawancara | 38 - 50 |
| Diari Kajian | 51 - 57 |
| Senarai soalan | 58 - 64 |
| Surat Perjanjian | 65 - 66 |
| Indeks | 67 - 68 |

# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH




| | |
|---|---|
| **Nama** | : Ramlah Binti Dollah |
| **Nama Panggilan** | : Kak Lah |
| **Umur** | : 53 |
| **Tahun Lahir** | : 1 Jun 1967 |
| **Tempat Lahir** | : Kampung Tawang, Bachok, Kelantan |
| **Status** | : Berkahwin |
| **Pendidikan** | : Sekolah Menengah kebangsaan Seri Nering (SPM) |

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Dokumentasi sejarah lisan merupakan satu objek yang mementingkan pemeliharaan sejarah yang tidak dapat direkodkan sebelum ini dan juga sebagai memori kepada peristiwa yang telah dijadikan sesuatu bukti sejarah. Di samping itu, sejarah lisan juga membantu meningkatkan sumber-sumber sejarah dan sebagai bahan pendidikan kepada generasi akan datang.

Sejarah lisan yang direkodkan ini sangat berguna kepada persatuan-persatuan sejarah lisan di negara kita bagi memudahkan maklumat diperolehi melalui wawancara yang dijalankan. Kecekapan dan kebijaksanaan penemubual akan membantu tokoh yang diwawancara untuk memberikan maklumat secara tepat dan terperinci tentang sesuatu soalan yang diajukan oleh penemuramah.

Sejarah lisan yang direkodkan ini merupakan hasil maklumat-maklumat yang diperolehi daripada pewaris Sate Mastura. Beliau adalah pemilik perniagaan Sate Mastura tersebut selaku pewaris yang mewarisi perniagaan tersebut. Sehingga kini, kepentingan sejarah lisan ini telah terbukti dapat menunjukkan nilai kerajinan masyarakat terdahulu dalam perniagaan kepada pengusaha dan masyarakat zaman sekarang. Di samping itu, ia juga dapat member kesedaran kepada anak-anak muda masa kini akan kesenian dan strategi yang digunakan oleh masyarakat terdahulu sekaligus dapat menyemarakkan semangat anak muda pada masa kini yang ingin memulakan perniagaan.

Hasil wawancara bersama pewaris Sate Mastura iaitu Ramlah Binti Dollah telah banyak memberikan maklumat tentang sejarah permulaan perniagaan dari awal hingga sekarang serta peristiwa-peristiwa yang menjadi halangan dalam perniagaan Sate Mastura tersebut di mana sudah pernah tercatat oleh mana-mana media.

# TRANSKRIP

## TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang sejarah perniagaan sate Mastura bersama pewaris sate Mastura tersebut iaitu Ramlah Binti Dollah dengan ditemuramah oleh pelajar dari Universiti Teknologi MARA Cawangan Machang. Berikut adalah hasil rakaman.

| |
|---|
| **Petunjuk:** |
| PR: Puan Ramlah |
| SM: Siti Maryam |

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai sejarah perniagaan sate Mastura. Bersama-sama kami ialah Ramlah Binti Dollah yang merupakan pewaris kepada perniagaan sate Mastura, Jabi, Terengganu. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 26 December 2020 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 10.00 pagi bertempat di rumah kediaman Ramlah atau dikenali sebagai "Kak Lah". Temubual ini dikendalikan oleh Siti Maryam Binti Donniya.

**BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG**

SM : **Assalamualaikum puan. Mengenai latar belakang puan, apakah nama penuh puan?**

PR : Waalaikumussalam, nama penuh Mak cik Ramlah Binti Dollah.

SM : **Apakah nama panggilan puan?**

PR : Ore [orang] *panggil* [memaggil] *ko* [ke] Mak cik Kak Lah.

SM : **Dimanakah tempat puan dilahirkan?**

PR : Mak cik ini *beranak* [dilahirkan] di Kampung Tawang, Bachok, Kelantan. Anak Jati Kelantan lah ini.

SM : **Bilakah tarikh puan dilahirkan?**

PR : Mak cik *beranak* [dilahirkan] pada 1 Jun 1967.

SM : **Seterusnya, dimanakah tempat asal puan dibesarkan?**

PR : Mak cik *lahir* [dilahirkan] di Kelantan, tetapi hanya menetap di Kelantan selama 10 tahun. Tahun 1977 mak cik tinggal bersama Mak angkat di Jabi.

SM : **Siapakah nama ayah dan ibu kandung puan?**

PR : Nama *mok* [ibu] mak cik ialah Meksom Binti Ngah dan nama ayah mak cik ialah Dollah Bin Musa.

SM : **Boleh saya tahu nama ibu angkat puan?**

PR : Nama mak angkat mak cik ialah Mas Binti Awang.

**SM : Berapakah bilangan adik beradik puan?**

PR : *Eh* ramai, dalam 13 orang.

**SM : Puan anak ke berapa dari adik beradik?**

PR : Mak cik *ni* [ini] *tak* [tidak] awal tak akhir, *tengah tengah la* [berada di tengah] tengah lebih kurang iaitu nombor 9.

**SM : Sudah berapa lama puan mendirikan rumah tangga?**

PR : Mak cik *ni* [ini] 19 tahun sudah berkahwin, mak cik berkahwin pada tahun 2001.

**SM : Apakah nama suami puan?**

PR : Nama suami mak cik ialah Syamiri Ibrahim.

**SM : Apakah pekerjaan suami puan sekarang?**

PR : Suami mak cik *pun* [juga] berniaga sate bersama mak cik.

**SM : Suami puan berasal dari mana?**

PR : Suami mak cik berasal dari Indonesia.

**SM : Bagaimana puan boleh mengenali suami puan?**

PR : Pak cik Syamiri *asalnya* [pada] mulanya datang *kerja* [bekerja] *dekat* [di] Jabi, *lepastu* [selepas itu] kenal la *sikit sikit* [tidak lama], nak buat *macam mana* [bagaimana] kalau *dah* [sudah] jodoh mak cik. Semua *ni* [ini] Tuhan tetapkan semua *dah* [sudah].

**SM : Sudah berapa lama puan menetap di sini?**

PR : *Rasanya* [sekarang] sudah 43 tahun menetap disini. Sebab, mak cik menetap di sini dari umur 10 tahun.

**SM : Berapakah bilangan anak-anak puan?**

PR : Kalau *nak* [ingin] *cakap* [bercakap] *pasal* [mengenai] anak, mak cik *tak* [belum] ada rezeki nak dapat anak. Nak buat macam mana, mungkin ada hikmah *la* [lah] *tu* [itu].

**SM : Apakah ada dari kalangan keluarga puan yang berminat meneruskan kerjaya puan?**

PR : Ada.

**SM : Pernahkah puan menyuarakan hasrat untuk keluarga puan menyambung legasi perniagaan seperti puan?**

PR : Pernah *la* [juga] sebelum *ni* [ini], mak cik cakap *pasal* [mengenai] *ni* [ini] *dekat* [pada] keluarga mak cik.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

**BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN**

**SM : Mengenai sejarah pendidikan pula, dimanakah puan mula bersekolah rendah?**

PR : Mak cik *dulu* [dahulu] sekolah Rendah di Tawang *sampailah* [hingga] darjah 3. *Lepas* [Selepas] mak cik menetap di Jabi, mak cik sekolah di Sekolah Rendah Jabi.

**SM : Dimanakah puan bersekolah menengah?**

PR : Mak cik *sekolah* [bersekolah] di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering.

**SM : Bagaimanakah puan pergi ke sekolah?**

PR : Mak cik *dulu* [dahulu] *masa* [semasa] pergi sekolah naik bas *je lah* [sahaja], sebab *masa* [semasa] *tu* [itu] tak *ada* [mempunyai] kenderaan sendiri lagi.

**SM : Apakah subjek kegemaran puan?**

PR : Kalau *dulu* [dahulu] mak cik *ni* [ini] *minat* [meminati] sangat subjek perdagangan dan prinsip perakaunan.

**SM : Apakah pedidikan yang paling tinggi dalam hidup puan?**

PR : *Sampai* [Setakat] SPM *je* [sahaja] mak cik belajar, *tu* [itu] pun nasib baik. Nak *pegi* [pergi] belajar tinggi tinggi *mana* [tidak] *ada* [mempunyai] duit *dulu* [dahulu].

**SM : Adakah puan pernah menyertai kursus kursus professional?**

PR : Tak pernah lagi sebab belajar pun setakat SPM *je* [sahaja].

**SM : Kiranya puan hanya menjual sate dengan mengikut Mak angkat puan?**

PR : Ya, sebab *masa* [semasa] zaman *budak-budak* [kanak-kanak] *dulu* [dahulu] mak cik *tengok* [melihat] dia *buat* [membuat]. *Lepas* [selepas] pandai *tu* [itu] mak cik *tolong- tolong* [menolong] mak angkat mak cik.

**SM : Boleh puan kongsikan kenangan manis puan semasa belajar?**

PR : Kalau kenangan manis *tu* [itu], *macam* [seperti] biasa *la* [lah] dengan kawan kawan. *Lepas* [selepas] *habis* [tamat] waktu sekolah *tu* [itu] mesti rindu *dekat* [pada] kawan kawan dan cikgu.

**SM : Boleh puan kongsikan kenangan pahit puan semasa belajar?**

PR : Kalau kenangan pahit *tu* [itu] banyak *lah* [la] juga, (ketawa). Kenangan pahit yang mak cik *tak* [tidak] boleh *lupa* [dilupakan] sebab [kena denda] didenda *jalan* [berjalan] *kereta api* (sejenis permainan denda). *Ya Allah*, cikgu *tu* [itu] mak cik buat salah *sikit* [sedikit] *kena denda* [didenda] *jugak* [juga].

**SM : Kenapa mak cik boleh *kena* [di] denda?**

PR : Sebab tak *siap* [menyiapkan] kerja sekolah, *lepastu* [selepas itu], mak cik banyak bermain. *Biasala* [menjadi kebiasaan] *masa* [semasa] *budak budak* [kanak-kanak] *dulu* [dahulu] kan.

SM : **Apakah cita cita puan semasa belajar?**

PR : Kalau *dulu* [dahulu] mak cik *ni* [ini] *nak* [ingin] *jadi* [menjadi] *macam macam* [banyak perkara]. Tapi yang mak cik paling minat *nak* [ingin] *jadi* [menjadi] kerani, tapi *tu* [itu] la belajar pun tak tinggi sangat jadi tak kesampaian la juga *nak* [ingin] *jadi* [menjadi] kerani.

SM : **Apakah bidang yang puan minati?**

PR : Kalau bidang *tu* [itu] kearah kerani bank.

SM : **Bagaimanakah pencapaian akademik puan semasa puan bersekolah?**

PR : Sekarang *ni* [ini] dia guna grade A, B, C macam *tu* [itu], tapi *dulu* [dahulu] tak, mak cik dapat grade 2. Boleh la *tu* [itu] walaupun tak *tinggi* [cemerlang] sangat.

SM : **Siapakah idola puan semasa bersekolah?**

PR : Sebab mak cik tinggal dengan mak angkat. *Lepastu* [selepas itu] dia la yang selalu *tolong tolong* [menolong] mak cik *dulu* [dahulu], *jadinya* [maksudnya] dia *la* [merupakan] idola mak cik iaitu Mas Binti Awang.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

**BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA**

SM : **Mengenai sejarah pendidikan pula, selepas tamat pengajian, apakah pekerjaan pertama puan lakukan?**

PR : Disebabkan Mak angkat mak cik *jual* [menjual] sate, jadi mak cik *pun* [juga] *kerja* [bekerja] sebagai *jual* [penjual] sate. *Dapat* [boleh] *tolong-tolong* [menolong] Mak angkat mak cik juga.

SM : **Adakah puan pernah melakukan pekerjaan lain selain dari berniaga sate?**

PR : Tak ada *tu* [itu], sebab selalu tolong mak angkat *je* [sahaja] sebelum *ni* [ini].

SM : **Pada tahun berapa puan mula bekerja?**

PR : Pada tahun 1977. *Masa* [semasa] *tu* [itu] mak cik baru berumur 10 tahun dan mak cik juga sudah berminat tentang perniagaan pada *masa* [waktu] *tu* [itu].

SM : **Kiranya, puan bekerja sambil belajar?**

PR : Ya, sambil sambil mak cik tolong mak angkat, sambil belajar mak cik tolong yang mana boleh.

SM : **Mengapa puan minat bekerja disitu?**

PR : Sebab nak *tolong* [menolong] mak angkat. *Lepastu* [selepas itu] mak cik *ni* [ini] *jenis* [sejenis] minat *kerja kerja* [pekerjaan] *macam* [seperti] *tu* [itu] dan boleh berada dekat dengan keluarga.

SM : **Kiranya mak cik tidak pernah merancang untuk kerja di luar negeri?**

PR : *Dulu* [dahulu] *tu* [itu] ada la juga mak cik pernah *fikir* [berfikir] *nak* [ingin] *kerja* [bekerja] *dekat* [di] luar sebab cita cita kita, *tapi* [tetapi] *bila* [apabila] mak cik *tengok* [lihat] dan *fikir* [mengenangkan] *pasal* [tentang] mak angkat mak cik. *Susah* [sukar] *sikit* [sedikit] *kalau* [jika] mak cik tinggal jauh, kalau tinggal *dekat* [berdekatan] boleh *tolong tolong* [menolong].

**SM : Berapakah gaji pertama puan pada waktu itu?**

PR : Mak cik *tak* [tidak] *berapa ingat* [mengingati] gaji pertama mak cik. Mak cik rasa *macam* [seperti] RM 300 sebab *lama* [sudah lama] *dah* [sudah] kan. *Masa* [semasa] *tu* [itu] RM 300 *tu* [itu] rasa banyak *dah* [sudah].

**SM : Boleh puan ceritakan pengalaman puan bekerja di situ?**

PR : Banyak, *masa* [semasa] awal-awal *tu* [itu] mak angkat *ajar* [mengajar] cara *potong* [memotong] ayam selepas itu buang lemak ayam, darah beku semua *tu* [itu] la.

**SM : Kiranya, puan hanya belajar perkara perkara asas untuk membuat sate?**

PR : Ya, sebab semasa *tu* [itu] mak cik *kecil* [kanak kanak] lagi. Mak cik cuma buat setakat yang mampu.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

**BAHAGIAN 4: SEJARAH BERMULANYA KERJAYA SATE**

**SM : Bagaimana puan boleh memilih pekerjaan sebagai peniaga sate?**

PR : Mak cik *pilih* [memilih] kerja *ni* [ini] pun sebab mak angkat, *dah* [sudah] kerana dia berniaga sate, mak cik pun ingin meneruskan perniagaan mak angkat mak cik tu.

**SM : Adakah puan mengikut jejak sesiapa dalam menceburkan diri dalam kerjaya ini? Mungkin diinspirasikan oleh idola puan.**

PR : Mak angkat mak cik sendiri la yang menjadi inspirasi kepada mak cik untuk meneruskan kerjaya ini.

**SM : Adakah faktor pendapatan yang diperolehi juga menjadi sebab puan minat berniaga?**

PR : Boleh dijadikan sebab juga.

**SM : Siapakah yang menjadi dorongan kepada puan untuk memulakan perniagaan sate?**

PR : Pada awalnya Mak angkat mak cik sendiri. Selepas itu, suami mak cik sendiri. Suami mak cik *ni* [ini] kalau *suruh* [disuruh] atau diminta *beli* [membeli] barang barang *untuk sate* [untuk menyediakan sate] *ni* [ini] dia pergi, *takda* [tiada] alasan la selalu bagi sokongan.

**SM : Bolehkah saya tahu siapa pengasas pertama sate Mastura?**

PR : Pengasas pertama sate Mastura ialah Mas Binti Awang la iaitu mak angkat mak cik sendiri.

**SM : Boleh saya tahu apakah hubungan puan dengan pengasas sate Mastura tersebut selain menjadi anak angkat beliau?**

PR : Mak angkat *ni* [ini] dia berkawan dengan ibu dan ayah kandung mak cik, jadi mereka *ni* [ini] kawan rapat *la* [juga].

**SM : Bagaimana puan boleh mengenali pengasas tersebut?**

PR : Kenal *masa* [semasa] *kecil* [kanak-kanak] lagi, memang selalu la jumpa dia *tu* [itu] mak angkat mak cik. Mak cik kan adik beradik ramai, jadi *lepas* [selepas] Mas Binti Awang *ambik* [mengambil] mak cik *jadi* [untuk dijadikan] anak angkat *kurangla* [kurangkan] *sikit* [sedikit] beban ibu ayah kandung mak cik untuk *tampung* [menampung] kos perbelanjaan *tu* [itu].

**SM : Dari mana datangnya idea untuk menjual sate?**

PR : Idea *tu* [itu] datang dari mak angkat mak cik sendiri, sebab *tengok* [melihat] pada dia berniaga *tu* [itu] membuatkan mak cik pun *nak* [ingin] berniaga sama seperti mak angkat.

**SM : Dimanakah lokasi pertama penjualan sate?**

PR : *Mula* [pada mulanya] *dekat* [di] Kampung Jabi sebab mak cik menetap di sini.

**SM : Kiranya puan menggunakan tempat yang sama?**

PR : Ya, tempat sama.

**SM : Berapakah modal yang digunakan?**

PR : Mak cik tak berapa ingat, *tapi* [tetapi] anggaran dalam 2000-3000 untuk *beli* [membeli] barang barang sate.

**SM : Siapakah orang yang terawal yang mula menjual sate dikawasan tersebut?**

PR : *Masa* [semasa] *tu* [itu] *tak ada* [tiada] lagi orang lain selain mak cik.

**SM : Apakah premis yang digunakan ketika diawal perniagaan?**

PR : *Awal awal* [pada awalnya] *tu* [itu] ada kedai *dah* [sudah], iaitu kedai sate Jabi.

**SM : Kiranya selepas itu baru ditukarkan kepada kedai sate Mastura?**

PR : Ya, *lepastu* [selepas itu] baru *tukar* [ditukar].

**SM : Siapakah yang membantu puan diawal memulakan perniagaan?**

PR : *Masa awal awal* [pada awalnya] *tu* [itu] orang yang *tolong* [menolong] mak cik ialah mak angkat, kak angkat dan *ada* [mempunyai] pembantu 2 orang sebab banyak juga kerja nak *buat* [dibuat].

SM : **Berapakah jumlah pendapatan puan setiap bulan ketika diawal perniagaan?**

PR : Kalau *dulu* [dahulu] *tu* [itu] tak ramai orang yang menjual sate, jadi banyak la juga mak cik dapat dalam RM 3000-4000.

SM : **Berapakah jumlah pendapatan puan setiap bulan pada ketika ini?**

PR : Kalau sekarang *ni* [ini] dapat lebih la *sikit* [sedikit] sebab ramai *dah* [sudah] yang kenal kedai sate Mastura *ni* [ini]. Jadi anggaranya dalam 10,000 – 15,000 la sebulan.

SM : **Mengapa sate disini dikatakan unik?**

PR : Unik *sebabnya* [disebabkan] sate Mastura *ni* [ini] *dah* [sudah] lama *macam* [seperti] otai *la* [lah].

SM : **Mengapa penyediaan sate disini tidak menggunakan peralatan moden?**

PR : *Haa* (sambil senyum dan tunjukkan tangan), *ni* [ini] pun salah satu juga kenapa orang *kate* [memberitahu] unik, mak cik kekalkan cara *lama* [terdahulu] dengan menggunakan arang selepas *tu* [itu] nasi impit pula dimasak sama seperti membuat cendol.

SM : **Benarkah apa yang dikatakan masyarakat bahawa sate puan menjadi pencabar kepada sate kajang?**

PR : Ya, maknanya ia boleh menjadi contoh kepada perniaga sate lain. Mak cik *ni* [ini] *kira* [dikira] sate turun temurun *la* [lah] dari mak angkat mak cik sendiri.

SM : **Berapa lama masa yang diambil bagi perniagaan sate Mastura dikenali oleh ramai masyarakat?**

PR : *Masa* [semasa] mula mula nak yakinkan orang *tu* [itu] bukan senang, jadi mak cik ambil masa 10 tahun juga nak bagi orang kenal Sate Mastura *ni* [ini].

SM : **Bolehkah puan ceritakan kelebihan sate Mastura?**

PR : Antara keistimewaan sate Mastura ni ialah sebab resepi turun temurun daripada mak angkat sendiri, mak cik *ni* [ini] kalau mak angkat guna rempah *tu* [itu], rempah *tu* [itu] juga *la* [lah] mak cik guna, tak *rajin* [pernah] rasa nak tukar ataupun cuba resepi sendiri. Nasi impit pula guna dapur kayu selepas itu kuah kacang tu *kurang* [kurangkan] minyak.

SM : **Boleh puan kongsikan serba sedikit mengenai resepi Sate Mastura?**

PR : Bahan-bahan yang mak cik guna *tu* [itu], kalau ayam atau daging sebanyak 2 kilo, bawang putih selabu, bawang besar 2 biji, halia *kene* [harus] tengok pada sukatan, serai 2 batang, ketumbar, jintan manis dan jintan putih, kunyit hidup, gula pasir, gula Melaka, garam 3 sudu. *Lepastu* [selepas itu] bahan bahan *tu* [itu] *kena* [mesti] kisar sampai *lumat* [hancur] dan gaulkan bahan tadi bersama dengan ayam *sampai* [hingga] *la* [lah] sebati. Kalau kuah kacang pula mak cik guna kacang tanah, kacang *tu* [itu] akan digoreng dengan menggunakan sedikit minyak, *lepastu*

[selepas itu] rendam lada kering menggunakan air panas baru dikisar, gula Melaka, garam, gula, bawang besar, bawang putih.

SM : **Adakah benar resipi sate disini tidak berubah dari dulu hingga sekarang?**

PR : Ya, mak cik *tak* [tidak] pernah *rasa* [ingin] nak *tukar* [menukar], dari *dulu* [dahulu] sampai sekarang *guna* [menggunakan] resipi sama.

SM : **Mengapa sate disini dikatakan makanan yang sihat?**

PR : Sebabnya, kita menggunakan bahan yang bersih dari segi bahan bahan dan juga ayam atau daging. Ayam *tu* [itu] lemak akan dibuang dan akan dibasuh berulang kali.

SM : **Berapa ramaikah pekerja disini?**

PR : *Rasanya* [lebih kurang] dalam 8 orang pekerja sekarang.

SM : **Berapakah bayaran yang puan berikan kepada pekerja setiap bulan?**

PR : RM 25 sehari bagi pembakar sate.

SM : **Kiranya bayaran gaji yang diberikan berlainan?**

PR : Ya, lain lain. Pembakar sate lain, ambil *order* [pesanan] lain, bancuh air lain.

**SM : Apakah strategi yang puan gunakan untuk menghadapi persaingan?**

PR : Mak cik *serah* [berserah] kepada Tuhan *la* [lah] *tu* [itu], tapi kalau nak berserah *tu* [itu] mak cik sendiri *kena* [harus] *usaha* [berusaha] *dulu* [dahulu]. Mak cik guna cara *ni* [ini] *je* [sahaja] *la* [lah], resepi yang orang ramai suka, sejak *dulu* [dahulu] lagi.

**SM : Kiranya puan menghadapi persaingan dengan cara persaingan yang sihat?**

PR : Ya, mak cik tak buat jahat *kat* [pada] orang, kalau Tuhan cakap setakat *tu* [itu] rezeki mak cik, mak cik terima *je* [sahaja] *la* [lah].

**SM : Apakah perasaan puan apabila ramai peniaga peniaga sate baru turut menjual di lokasi yang sama?**

PR : Mak cik rasa terkilan juga, tapi nak buat macam mana, mereka *pun* [juga] nak *cari* [mencari] rezeki juga. Mak cik tak boleh nak kata apa, sebab minat masing masing, mungkin sebab dia tengok mak cik niaga sate sini mereka jadi terinspirasi untuk *niaga* [berniaga] sate juga. Mak cik tak kisah pun, marah *pun* [juga] tak.

**SM : Apakah strategi puan untuk meneruskan perniagaan sate Mastura dalam pandemik Covid-19?**

PR : *Masa* [ketika] Covid-19 *ni* [ini] mak cik banyak *buka* [membuka] untuk tempahan, orang nak datang makan di kedai tak boleh kan, boleh nak makan di

kedai tapi mak cik tetapkan had berapa orang, selepas itu, *kena* [mesti] *ada* [mempunyai] penjarakan sosial.

SM : **Apakah jenis teknik pemasaran yang digunakan untuk perniagaan sate?**

PR : Teknik tu tak ada rasanya, mak cik cuma buat buat macam *tu* [itu] *jah* [sahaja], buka kedai lepastu orang datang, untung rugi *tu* [itu] nak buat macam mana, yang penting kita *buat* [usaha] *dulu* [dahulu] baru kita boleh tahu. Orang pun kata *kena* [harus] mula dengan langkah berani, kalau tak berani macam mana nak berjaya (sambil tersenyum). Kalau gagal *tu* [itu] memang banyak kali dah mak cik rasa, tapi kena usaha *balik* [lagi] *la* [lah].

SM : **Adakah jenis teknik pemasaran seperti mengambil [Cod] cash on delivery ataupun dari mulut ke mulut?**

PR : Sekarang *ni* [ini] semua ada, melalui *Whatsapp, Facebook, Instagram* (laman sosial). *Bagitahu* [beritahu] *jah* sahaja nak macam mana, kami boleh buat, nak suruh *COD* [Cash On Delivery] hantar makanan di depan rumah pun boleh. Tapi sekarang cara mulut ke mulut *ni* [ini] tak boleh guna sangat, kebanyakanya kami guna cara *online* [dalam talian] *la* [lah], iklan di *Fb, Ig, Whatsapp* (laman sosial) *tu* [itu]. Sebab sekarang *ni* [ini] kuasa viral sangat sangat menjadi, dapat *la* [lah] rezeki lebih *dekat* [di] situ.

SM : **Sepanjang kedai sate Mastura ini dibuka berapakah bilangan pelawat atau pengunjung dari luar yang datang singgah di kedai ini?**

PR : Ramai juga, mak cik pun tak sempat nak kira, Tapi rasanya pengunjung dari luar *ni* [ini] dia kenal sate Mastura dia selalu datang makan kat sini. Sebab orang kenal sate Mastura *ni* [ini] sudah lama.

**SM : Berapakah anggaran bilangan pengunjung ke kedai Sate Mastura?**

PR : Lebih *la* [lah] 100 orang kalau nak kira *tu* [itu]. Sebab mak cik kan *ada* [mempunyai] pekerja, jadi pekerja *la* [lah] yang tahu, mak cik jarang dah duduk di kedai, harapkan pekerja sahaja.

**SM : Apakah pendapat puan tentang kedai sate Mastura ini dalam tempoh 10 tahun akan datang?**

PR : *Insyaallah* (mengucapkan syukur), kalau mak cik dipanjangkan umur, mak cik nak kedai sate Mastura *ni* [ini] *makin* [semakin] maju *la* [lah], mungkin akan ada generasi mak cik yang lain yang akan menyambung perniagaan mak cik *ni* [ini]. Mak cik pun tak tahu juga, kita ini mampu merancang *je* [sahaja], *tapi* [tetapi] Tuhan yang menentukan.

**SM : Adakah puan pernah merancang untuk besarkan kedai ataupun menukar dari menggunakan peralatan tradisional kepada peralatan moden?**

PR : Kalau yang *tu* [itu], tak tahu juga, tapi kalau ada rezeki mak cik nak juga besarkan kedai ni. *Lepastu* [selepas itu] *pasal* [mengenai] tukar peralatan *tu* [itu], mak cik

rasa susah dah nak tukar *tu* [itu]. Sebab warisan turun temurun, jadi mak cik akan tetap guna cara tradisional *la* [lah].

SM : **Kiranya puan tidak mahu mengubah resepi turun temurun?**

PR : Ya, kalau boleh tak nak tukar, sebab mak cik hargai warisan mak angkat mak cik, orang kenal sate mak cik pun sebab turun temurun dari Mas Binti Awang *tu* [itu] *la* [lah].

SM : **Apakah cabaran yang dihadapi semasa berkecimpung dalam dunia perniagaan sate Mastura?**

PR : Cabaran yang pertamanya, mulut masyarakat sekeliling yang suka mengata perkara yang tidak elok kepada kedai mak cik *ni* [ini] lah. Mulut orang *ni* [ini] kadang kadang ada yang kita suka, ada yang kita tak suka, tapi *tu* [itu] *la* [lah] mak cik berniaga untuk cari *makan* [pendapatan], tak fikir sangat pasal orang lain yang buat jahat pada mak cik.

SM : **Adakah puan pernah mengalami ketiadaan pelanggan ataupun tempahan sate dibatalkan secara tiba tiba?**

PR : Banyak kali *dah* [sudah] jadi macam *tu* [itu], letih *tu* [itu] letih juga mak cik, susah *la* [lah] mak cik setiap kali berlaku macam *ni* [ini]. Orang telefon membuat *order* [tempahan] banyak banyak lepastu nak batal, rugi *la* [juga] modal mak cik.

SM : **Bagaimana puan mengatasi cabaran tersebut?**

PR : Mak cik pun tak tahu nak atasi macam mana, mampu tawakkal *je* [sahaja] lah, doa banyak banyak semoga tak jadi macam *ni* [ini] *dah* [sudah], macam yang membuat *order* [pesanan] tapi *batalkan* [membatalkan] *order* [pesanan] tadi *tu* [itu] mak cik *jual* [menjual] kepada pelanggan yang datang ke kedai, kalau yang *jenis* [sejenis] nak cepat ada *la* [lah] orang beli.

SM : **Adakah dijual secara promosi atau dijual dengan harga tetap?**

PR : Disebabkan pelanggan membatalkan pesanan, mak cik nak jual dengan harga sama pun serba salah, jadi mak cik *bagi* [memberi] harga promosi *la* [lah], diskaun atas satu cucuk *tu* [itu] tolak 20 sen.

SM : **Pernahkah puan merasa putus asa sepanjang perniagaan dijalankan?**

PR : Banyak kali dah rasa macam *tu* [itu], rasa nak putus asa tengah jalan, tapi bila mak cik fikir balik mak cik *ni* [ini] banyak kali dah gagal tapi mak cik teruskan juga sampai *la* [lah] sekarang. *Lepas tu* [selepas itu] l*a* [lah] mak cik *rasa* [merasa] rugi *la* [juga] kalau mak cik berhenti setakat *ni* [ini].

SM : **Apakah perasaan puan sekiranya ada orang yang ingin menjatuhkan perniagaan puan?**

PR : Kalau pasal *ni* [ini], kita *doa* [berdoa] *la* [lah] yang baik baik untuk dia semoga dia kembali ke jalan yang benar. Sedih *tu* [itu] memang sedih *bila* [apabila] dapat tahu ada orang nak buat mak cik macam *ni* [ini] (dengan nada sedih).

**SM : Apakah perasaan puan sekiranya ada orang yang selalu sokong di sebalik perniagaan puan?**

PR : Kalau yang jenis sokong mak cik *ni* [ini], mak cik *suka* [gembira] lah. Kita jual orang beli, kita jatuh pun orang ada, jadinya mak cik pun suka lah kalau ada orang yang selalu sokong mak cik *ni* [ini].

**SM : Apakah tindakan puan sekiranya berlaku masalah tersebut?**

PR : Mak cik *ni* [ini] tak nak bergaduh dengan *siapa siapa* [sesiapa] pun, jadi mak cik serahkan pada Tuhan lah.

**TAMAT BAHAGIAN 4**

**BAHAGIAN 5: KEJAYAAN**

SM : **Sepanjang menjadi usahawan sate, pernahkah puan menerima sebarang anugerah?**

PR : Tak pernah lagi.

SM : **Apakah liputan media massa yang pernah diadakan di kedai sate Mastura ini?**

PR : Kalau nak cakap *pasal* [mengenai] *ni* [ini], Astro Awani, Berita Harian pernah *la* [juga] datang, *lepastu* [selepas itu] radio Terengganu pernah cakap *pasal* [mengenai] sate mak cik. Terkenal juga *la* [lah] sate mak cik *ni* [ini] sebab lama *dah* [sudah] kan sate *masa* [semasa] zaman mak angkat mak cik lagi.

SM : **Bagaimana kerjaya puan disiarkan dalam surat khabar?**

PR : *Pasal* [mengenai] kerjaya mak cik *ni* [ini] biasanya beriklan mengenai mak cik berniaga sate, macam *tu la* [itulah] tapi mak cik *ni* [ini] *suka* [gembira] sebab dapat juga *masuk* [keluar] surat khabar.

SM : **Bagaimanakah perasaan puan apabila liputan media massa pergi menemubual di kedai sate Mastura?**

PR : Masa *tu* [itu] mak cik rasa gemuruh sangat-sangat sebabnya mak cik tahu *dah* [sudah] *bila* [apabila] *diorang* [mereka] *ni* [ini] datang, kita *ni* [ini] akan jadi tumpuan orang ramai. Dia datang dengan kamera yang besar *lepastu* [selepas] itu

masa *tu* [itu] kedai pun tak berapa *comey* [elok] lagi, jadi mak cik macam malu *la* [lah] *masa* [semasa] [*tu*] itu. *Lepas* [selepas] *tu* [itu] mak cik rasa macam popular sekejap, *ye* [iya] *la* [lah] sebab ramai yang kenal mak cik.

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## BAHAGIAN 6: SUMBANGAN

SM : **Apakah sumbangan perusahaan sate puan terhadap masyarakat sekeliling?**

PR : Dalam berniaga sate *ni* [ini] *adala* [ada] juga untung sedikit *tu* [itu], yang mana mak cik dapat *buka* [membuka] peluang pekerjaan kepada masyarakat, jiran jiran sekampung yang mana nak kerja dengan mak cik *ni* [ini]. Dia macam jadi *agent* [ejen] la, dia ambik stok sate dengan mak cik *lepastu* [selepas itu] ikut *la* [lah] dia nak *jual* [menjual] kawasan mana pun, boleh juga macam [*tu*] itu, daripada *duduk* [tinggal] di rumah tak buat kerja.

SM : **Adakah sumbangan lain kepada masyarakat sekeliling selain membuka peluang pekerjaan?**

PR : Sumbangan lainnya, macam mak cik *ni* [ini] ataupun sate Mastura *ni* [ini] menjadi sumber inspirasi *la* [lah] kepada masyarakat, sebab kejayaan mak cik *harini* [hari ini] dapat memberi didikan ke arah keusahawanan dan juga *jadi* [menjadi] contoh kepada usahawan yang baru menceburi dalam bidang perniagaan. Selain itu, mak cik *pun* [juga] pernah bagi sumbangan kepada masyarakat yang memerlukan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat.

SM : **Adakah puan menganggap sumbangan yang puan berikan merupakan salah satu strategi untuk perniagaan puan dikenali oleh masyarakat?**

PR : *Bila* [apabila] kita berniaga *ni* [ini], kita bukannya sebab nak riak ke apa *macam* [seperti] mak cik bagi sumbangan sebab nak *suruh* [menggalakkan] orang puji Sate Mastura *ni* [ini] bagus, mak cik bukanlah macam *tu* [itu], mak cik *ni* [ini]

cuma percaya dengan rezeki Tuhan dengan balasan perniagaan mak cik makin maju *bila* [apabila] banyak bagi sumbangan macam *ni* [ini]. Kita *kena* [harus] *tengok* [melihat] dari segi positif.

**TAMAT BAHAGIAN 6**

BAHAGIAN 7: HARAPAN

SM : **Apakah perasaan dan harapan puan ketika memberi sumbangan kepada masyarakat?**

PR : Kalau *ikut* [ikutkan] perasaan *tu* [itu] mak cik *suko* [gembira] lah sebab dapat *tolong* [menolong] orang dengan pendapatan mak cik sendiri bukannya *pinje* [meminjam] duit orang lain. *Lepastu* [selepas itu], harapan mak cik supaya perniagaan mak cik makin maju lah.

SM : **Apakah harapan puan terhadap generasi yang ingin memulakan perniagaan pada masa kan datang?**

PR : Harapan mak cik supaya mereka dapat berjaya untuk kawal untung rugi dalam perniagaan.

SM : **Apakah pesanan puan kepada anak muda sekarang yang ingin memulakan perniagaan terutamanya perniagaan sate?**

PR : Pesanan mak cik, *mace* [seperti] mak cik *dulu* [dahulu] lah jangan cepat putus asa, mak cik dulu banyak kali *putuh asa* [berputus asa], banyak kali rasa tak tahan dengan gagal, Cuma buat lah dengan langkah berani, *kena* [mesti] *buat* [usaha] *dulu* [dahulu] baru tahu hasil dia *macam mana* [bagaimana]. Dalam perniagaan *ni* [ini] tak boleh nak buat ikut suka hati, sama macam belajar juga, k*ena* [mesti] [*ada*] mempunyai [*cikgu*] guru, begitulah dalam perniagaan pun kita *kene* [mesti] cari ilmu dengan orang yang berpengalaman.

SM : **Bolehkah puan memberi sedikit kata kata motivasi untuk dijadikan inspirasi kepada golongan muda yang ingin memulakan perniagaan?**

PR : Mak cik *ni* [ini] rasa macam tak layak nak bagi kata kata motivasi *ni* [ini], *tapi* [tetapi] biarlah mak cik bagi *la* [lah] setakat boleh. Kita *ni* [ini] kalau mahu memulakan apa- apa perniagaan tak boleh fikir negatif, dalam perniagaan *ni* [ini] jualan tak laku *tu* [itu] perkara biasa. Kita yang kosong pasal perniagaan *ni* [ini] *kena* [mesti] *banyak* [rajin] *cari* [mencari] ilmu selepas itu, niat kita *kena* [harus] betul bukan sebab buat perniagaan sebab nak tunjuk pada orang, *lepastu* [selepas] itu doa jangan lupa (sambil mengangkat satu jari) *kena* [mesti] selalu berdoa lah kepada *Si Pemberi Rezeki. Tu* [itu] *je* [sahaja] lah mak cik boleh *bagitahu* [memberitahu], mak cik pun tak pandai sangat nak bagi kata- kata motivasi *ni* [ini].

SM : **Jika rakan atau masyarakat sekeliling berminat untuk menceburi bidang perniagaan ini, apakah yang puan akan lakukan, adakah puan akan memberi sokongan kepada mereka ataupun puan boleh mengajar serba sedikit mengenai perniagaan kepada mereka?**

PR : Mak cik akan sokong lah, kita pun *tua dah* [sudah meningkat usia] [*lepastu*] selepas itu sate Mastura *ni* [ini] *dulu* [dahulu] pun ramai orang kenal d*ah* [sudah]. Tapi kalau ada yang nak datang menuntut dengan mak cik *tu* [itu] boleh *je* [sahaja], mak cik akan ajar setakat mak cik mampu. Tapi zaman sekarang ramai *dah* [sudah] orang orang muda yang hebat dalam bidang perniagaan *ni* [ini], lagipun siapa *la* [lah] nak menuntut dengan mak cik *ni* [ini] (sambil tersenyum),

siapa *la* [lah] mahu dengar orang tua cakap. Tapi ada *la* [lah] *sore* [seorang] dua yang datang jumpa mak cik.

SM : **Adakah puan mengenakan bayaran untuk sesi pengajaran?**

PR : Tidak, sebab mak cik rasa tidak berpatutan, mak cik cuma *bagitahu* [memberitahu] macam *tu* [itu] *je* [sahaja] tentang perkara perkara asas. *Lepastu* [selepas itu] mak cik minta *diorang* [mereka] berdoa pada mak cik lah semoga mak cik dimurahkan rezeki.

SM : **Apakah kata kata motivasi kepada bakal usahawan?**

PR : Mak cik nak bagitahu kepada bakal usahawan, sebelum *start* [bermula] *tu* [itu] pergi berguru *dulu* [dahulu] *lepastu* [selepas itu] belajar buat satu satu jangan buat semua sekaligus. Selepas itu, macam mak cik cakap tadi dalam perniagaan ini akan ada orang yang ingin menjatuhkan kita, kita tak boleh nak elak benda macam *tu* [itu], *kena kena* [harus] selalu positif biarlah orang cakap apa pun pasal kita, jangan ambil hati sangat dan dalam berniaga jangan rasa kita lebih hebat daripada orang lain.

SM : **Apakah yang puan dapat pelajari selama berkecimpung dalam dunia perniagaan sate?**

PR : Yang mak cik boleh belajar iaitu erti gagal dalam perniagaan, sebab tahun pertama mak cik mula berniaga *tu* [itu] mak cik terus jatuh, selepas bertukar

tangan dari mak angkat *tu* [itu] mak cik rasa besar sangat beban, kurang ilmu macam mana nak kawal perniagaan ini.

SM : **Pada pendapat puan, apakah impak yang telah perusahaan sate Mastura telah berikan kepada warga Besut?**

PR : Impak *ni* [ini] orang cakap *macam* [seperti] kesan lah kan. Mak cik rasa macam peluang pekerjaan *tu* [itu] ada selepas itu, penggunaan sumber tempatan, dimana kita beli bahan bahan sate dengan peniaga peniaga di sini juga. Kita sama sama berniaga lah kat sini. Sama-sama dapat untung.

SM : **Adakah kesan perusahaan sate Mastura kepada warga Besut telah menjadikan Besut sebuah daerah yang terkenal disebabkan oleh sate Mastura yang sudah menjadi buah mulut orang ramai?**

PR : Ya, mak cik pun rasa *suko* [gembira] *la* [lah] sebab orang Besut dan juga orang luar dari Besut pun kenal Sate Mastura, sebab ada orang yang buat liputan *tu* [itu] *la* [lah] kedai mak cik ramai orang kenal.

SM : **Pernahkah puan mendapat testimoni daripada pelanggan tetap puan mengenai kesedapan atau keunikan Sate Mastura berbanding sate sate lain?**

PR : *Pasal* [tentang] *tu* [itu] memang selalu ada, mak cik *suko* [gembira] *la* [lah] kalau orang cakap *pasal* [mengenai] Sate Mastura *ni* [ini] sedap dari yang lain. Yela sebab mak cik *guna* [menggunakan] resepi turun temurun jadi mak cik ni [ini]

*macam* [seperti] bangga lah dengan mak angkat Mak cik itu. Ramailah orang yang puji sate mak cik dari sate lain itu, tapi mak cik tak boleh bagitahu [la] lah sate mane satu itu, biar orang sendiri nilai perbezaan sate mak cik.

SM : **Adakah kesedapan atau keunikan Sate Mastura tersebut boleh diaplikasikan sebagai kuasa viral untuk puan lebih maju ke hadapan?**

PR : Viral dekat mana-mana pun, semua orang cakap sedap, memang ramailah yang puji kesedapan Sate Mastura ini. *Kena* [harus] menepati citarasa dengan selera pelanggan.

SM : **Apakah inisiatif yang puan ingin lakukan supaya dapat menarik lebih ramai pelanggan ke kedai Sate Mastura?**

PR : Kalau *pasal* [tentang] ini mak cik serah kepada orang muda lah, pekerja dan juga adik beradik angkat mak cik sendiri. Mak cik ini kalau nak *main* [menggunakan] *Whatsapp, Fb* [laman sosial] itu tak pandai sangat. Jadi mereka lah yang buat iklan *pasal* [mengenai] Sate Mastura ini dalam sosial media itu. Iklan *pasal* [tentang] menu, harga, dan macam macam lah, mak cik ini *tak berapa* [kurang] pandai sangat benda itu. Kalau ada promosi ke apa ke mereka pun buat iklan juga dalam *Fb* [mukabuku] itu.

SM : **Apakah perancangan puan pada masa hadapan?**

PR : Mak cik rancang pada masa depan ialah nak besarkan kedai, *lepastu* [selepas itu] nak buka peluang pekerjaan kepada orang ramai, biar mak cik ini boleh lah jadi *makin* [semakin] maju perniagaan mak cik.

SM : **Sebagai rakyat Malaysia, adakah puan rasa wajar untuk mengangkat darjat makanan - makanan Melayu atau makanan tradisional dalam kalangan masyarakat sebagai satu warisan kepada rakyat Malaysia?**

PR : Ya, Mak cik rasa wajarlah diangkat makanan makanan Melayu ini makanan makanan melayu ini biasalah. Untuk orang orang kita, buat apa juga *promote* [mempromosi] makanan Barat Barat itu. Lebih baik kita *promote* [promosi] makanan kita ini. Haa *gitu* (sambil tersenyum).

SM : ***Okay* [baiklah] adakah puan rasa dengan memartabatkan makanan tradisional, boleh mengangkat negara Malaysia kepada negara lebih unggul ataupun negara yang lebih baik? (ulang dua kali)**

PR : Mak cik rasa, kalau Malaysia ini memartabatkan makanan makanan Melayu, Malaysia boleh rasa megah dan semakin sebab Malaysia ini *ada* [mempunyai] aktiviti perdagangan, proses jual beli boleh buat Malaysia jadi negara yang kaya lah. Banyak makanan melayu.

SM : **Okay [baiklah] itu sahaja daripada saya. Terima kasih puan kerana sudi ditemubual dan sudi meluangkan masa untuk ditemubual oleh saya. Terima kasih puan, semoga puan dimurahkan rezeki selalu.**

PR : *Samo-samo* [sama-sama] nak. Terima kasih mak cik tidak keberatan nak tolong.

**TAMAT BAHAGIAN 7**

Demikian tadi temubual bersama pewaris sate Mastura mengenai sejarah perniagaan sate Mastura di Jabi, Besut. Kami mengucapkan ribuan terima kasih diatas kerjasama dan kesudian beliau memberikan maklumat mengenai sejarah perniagaan sate dan perkongsian tentang cabaran diawal perniagaan. Semoga hasil rakaman ini dapat memberi manfaat kepada penyelidikan lain dan generasi akan datang terutamanya bakal bakal usahawan yang ingin menceburi dalam perniagaan sate seperti Sate Mastura.

# RUJUKAN

## Rujukan

(Ramlah Binti Dollah, komunikasi peribadi, December 26, 2020)

# LAMPIRAN

**LAMPIRAN**



*Figure 1: Gambar bersama pengusaha Sate Mastura*

# LOG WAWANCARA

# LOG WAWANCARA

Siti Maryam Binti Donniya menemubual Ramlah Binti Dollah, yang dilahirkan pada 1 Jun 1967, di Tawang, Bachok, Kelantan. Temubual dijalankan di rumah tokoh iaitu di Jabi, Besut, Terengganu.

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN 1: SEJARAH BERMULANYA KERJAYA SATE** | | |
| 0.09 | Bercakap tentang nama penuh beliau | Ramlah Binti Dollah |
| 0.20 | Bercakap tentang nama panggilan beliau | Kak Lah. |
| 0.30 | Bercakap tentang tempat kelahiran beliau | 1.Kampung Tawang, Bachok Kelantan. |
| 0.40 | Bercakap tentang tarikh kelahiran beliau | 1 Jun 1967. |
| 0.50 | Bercakap tentang tempat asal beliau dibesarkan | 1. Kelantan<br>2. Menetap selama 10 tahun<br>3. Tahun 1977 menetap di Jabi |
| 0.59 | Bercakap tentang nama ibu dan bapa beliau | 1. Meksom Binti Ngoh<br>2. Dollah Bin Musa |
| 1.15 | Bercakap tentang nama mak angkat beliau | Mas Binti Awang |
| 1.24 | Bercakap tentang bilangan adik beradik beliau | 13 orang |
| 1.40 | Menceritakan tentang beliau anak ke berapa | Anak ke-9 |

| | | |
|---|---|---|
| 1.48 | Bercakap tentang berapa lama beliau sudah mendirikan rumah tangga | 1. 19 tahun<br>2. Kahwin pada tahun 2001 |
| 1.58 | Bercakap tentang nama suami beliau | Syamiri Ibrahim |
| 2.10 | Bercakap tentang pekerjaan suami beliau | Berniaga sate. |
| 2.20 | Bercerita mengenai tempat asal suami beliau | Indonesia |
| 2.30 | Bercerita tentang beliau bertemu dengan suaminya | 1. Pada awalnya datang untuk kerja<br>2. Mula kenal di kedai |
| 2.40 | Bercakap tentang berapa lama beliau sudah menetap disini | Sudah 43 tahun |
| 2.50 | Bercakap mengenai bilangan anak anak beliau | Tidak mempunyai anak |
| 2.55 | Bercakap mengenai ahli keluarga beliau yang berminat untuk meneruskan kerjaya beliau | Ada |
| 3.05 | Bercakap tentang hasrat yang disuarakan oleh beliau kepada ahli keluarga | Pernah |
| **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN** | | |

| | | |
|---|---|---|
| 3.16 | Bercerita tentang beliau bersekolah rendah | 1. SK Tawang<br>2. SK Jabi |
| 3.24 | Bercerita tentang beliau bersekolah menengah | SMK Seri Nering |
| 3.40 | Bercakap tentang cara beliau pergi ke sekolah | Menaiki bas |
| 3.55 | Bercakap tentang subjek kegemaran beliau | 1. Prinsip Perakaunan<br>2. Perdagangan |
| 4.15 | Bercakap tentang pendidikan tertinggi beliau | SPM |
| 4.30 | Menceritakan tentang kursus professional yang beliau ceburi | Tiada |
| 4.41 | Menceritakan tentang menjual sate bersama mak angkat beliau | Ya |
| 4.53 | Menceritakan tentang kenangan manis beliau semasa di sekolah | 1. Mempunyai kawan baik<br>2. Selalu menolong guru |
| 5.06 | Menceritakan tentang kenangan pahit beliau semasa di sekolah | Denda jalan kereta api |
| 5.19 | Menerangkan tentang sebab beliau didenda | Tidak menyiapkan tugasan |
| 5.28 | Menerangkan tentang cita cita beliau | Kerani bank |

| | | |
|---|---|---|
| 5.40 | Menceritakan tentang pencapaian akademik beliau di sekolah | Gred 2 |
| 5.50 | Menceritakan tentang idola beliau semasa sekolah | 1. Mas Binti Awang |
| **BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA** | | |
| 6.00 | Menerangkan tentang pekerjaan awal beliau | Menjual sate |
| 6.15 | Menerangkan tentang pekerjaan lain yang dibuat oleh beliau | Menolong mak angkat |
| 6.25 | Menceritakan tentang beliau mula bekerja | 1. Tahun 1977<br>2. Berumur 10 tahun |
| 6.30 | Menceritakan tentang beliau kerja sambal belajar | Hanya menolong mak angkat |
| 6.40 | Menceritakan tentang beliau minat bekerja bersama mak angkat | 1. Dapat menolong mak angkat<br>2. Dekat dengan keluarga |
| 6.45 | Menceritakan mengenai perancangan untuk bekerja di luar negeri | Tidak pernah |
| 6.55 | Bercakap tentang gaji pertama beliau | RM 300 |
| 7.07 | Bercakap tentang pengalaman beliau sepanjang bekerja di situ | 1. Belajar potong ayam dengan betul<br>2. Belajar cara membersihkan ayam dengan betul |

| | | |
|---|---|---|
| 7.18 | Bercakap tentang hanya perkara asas yang beliau pelajari | Ya |
| **BAHAGIAN 4: SEJARAH BERMULANYA KERJAYA SATE** | | |
| 7.25 | Menceritakan mengenai beliau yang memilih perniagaan sate | 1. Disebabkan mak angkat<br>2. Ingin meneruskan perniagaan mak angkat |
| 7.30 | Menerangkan tentang beliau mengikuti jejak siapa dalam perniagaan | Mak angkat |
| 7.35 | Bercakap tentang faktor pendapatan yang menyebabkan beliau menceburi dalam perniagaan | Betul |
| 7.55 | Bercakap tentang siapa yang menjadi dorongan kepada beliau | 1. Mak angkat<br>2. Suami |
| 8.10 | Menceritakan tentang pengasas pertama sate Mastura | Mas Binti Awang |
| 8.35 | Menerangkan tentang hubungan beliau dengan pengasas pertama sate Mastura | 1. Mak angkat<br>2. Kawan rapat ibu ayah |
| 8.55 | Bercakap mengenai beliau boleh mengenali pengasas tersebut | 1. Kenal sejak kecil<br>2. Kerap datang ke rumah<br>3. Kawan rapat ibu ayah |
| 9.20 | Menceritakan tentang bagaimana timbulnya idea untuk menjual sate | Mak angkat |

| | | |
|---|---|---|
| 9.54 | Menerangkan lokasi pertama penjualan sate | Kampung Jabi |
| 10.25 | Bercakap tentang adakah beliau menggunakan tempat sama | Ya |
| 10.59 | Menceritakan tentang modal yang digunakan oleh beliau | RM 2000-RM 3000 |
| 11.35 | Menerangkan tentang orang terawal yang menjual sate di kawasan tersebut | Tiada orang lain |
| 11.55 | Bercakap tentang premis yang digunakan beliau diawal perniagaan | Kedai sate Jabi |
| 12.30 | Menceritakan adakah beliau menukar nama selepas itu | Ya |
| 13.01 | Menerangkan siapa yang membantu beliau diawal perniagaan | 1. Mak angkat<br>2. Kakak angkat<br>3. 2 orang pekerja |
| 13.34 | Bercakap tentang pendapatan untuk sebulan beliau diawal perniagaan | RM 3000- RM4000 |
| 13.55 | Menceritakan tentang pendapatan untuk sebulan beliau ketika ini | RM 10,000-RM 15,000 |
| 14.20 | Menerangkan mengapa sate disini dikatakan unik | 1. Kerana sudah lama beroperasi<br>2. Menggunakan cara yang tersendiri |

| | | |
|---|---|---|
| 14.50 | Bercakap tentang sebab beliau tidak menggunakan peralatan moden | Mengekalkan keunikan sate Mastura |
| 14.58 | Menceritakan tentang sate Mastura yang menjadi pencabar kepada sate Kajang | Ya |
| 15.15 | Menerangkan mengenai berapa lama masa yang diambil untuk sate Mastura dikenali ramai | 10 Tahun |
| 15.26 | Bercakap tentang kelebihan sate Mastura | 1. Resipi turun temurun<br>2. Menggunakan dapur kayu<br>3. Kuah kacang kurang berminyak |
| 15.45 | Menceritakan tentang resipi yang beliau gunakan | 1. 2 kilo daging atau ayam (sukatan masak sendiri)<br>2. Bawang putih<br>3. Bawang besar<br>4. Halia<br>5. Serai<br>6. Ketumbar<br>7. Jintan manis dan jintan putih<br>8. Kunyit hidup<br>9. Gula pasir<br>10. Gula melaka<br>11. Garam |
| 16.20 | Menerangkan tentang resepi beliau yang tidak berubah dari dulu | Ya |

| | | |
|---|---|---|
| 16.55 | Bercakap mengenai sate Mastura dikatakan makanan yang sihat | Lemak ayam atau daging dibuang sepenuhnya |
| 17.19 | Menceritakan tentang jumlah pekerja beliau | 8 orang pekerja |
| 17.56 | Menerangkan tentang bayaran yang beliau berikan kepada pekerja | RM 25 |
| 18.32 | Bercakap tentang bayaran yang diberikan beliau adalah berlainan mengikut kerja masing masing | Ya |
| 18.44 | Menceritakan tentang strategi beliau untuk menghadapi persaingan | 1. Berserah kepada Tuhan<br>2. Menggunakan resepi turun temurun |
| 18.58 | Menerangkan tentang beliau yang menghadapi persaingan secara sihat | 1. Ya<br>2. Rezeki di tangan Tuhan |
| 19.27 | Bercakap mengenai perasaan beliau apabila ramai peniaga baru turut menjual di lokasi yang sama | 1. Terkilan<br>2. Tapi mereka pun ingin mencari rezeki<br>3. Tidak marah |
| 19.51 | Menceritakan tentang strategi beliau semasa pandemik Covid-19 melanda | Membuka untuk tempahan sate |
| 20.19 | Menerangkan tentang teknik yang digunakan beliau dalam perniagaan sate | 1. Buka kedai tepat masa<br>2. Mula dengan langkah berani |

| | | |
|---|---|---|
| 20.40 | Bercakap tentang teknik pemasaran yang digunakan oleh beliau | 1. COD (Cash On Delivery)<br>2. Mulut ke mulut |
| 20.58 | Menceritakan tentang jumlah pengunjung dari luar yang datang ke kedai beliau | Tak tahu jumlah sebenar. |
| 21.32 | Menerangkan tentang anggaran jumlah pegunjung dari luar | Lebih 100 orang |
| 21.57 | Bercakap tentang pendapat beliau mengenai kedai beliau pada 10 tahun akan datang | 1. Makin maju<br>2. Generasi lain yang meyambung kerjaya ini |
| 22.32 | Menceritakan tentang perancangan beliau untuk besarkan kedai dan menggunakan alatan moden | 1. Ingin besarkan kedai jika ada rezeki<br>2. Tidak akan bertukar kepada peralatan moden |
| 22.52 | Menerangkan mengenai mengubah resepi turun temurun beliau | Tidak akan menukar |
| 23.10 | Bercakap tentang cabaran yang beliau hadapi semasa mula meniaga sate | 1. Mulut masyarakat yang mempunyai hasad dengki |
| 23.45 | Menceritakan tentang pengalaman beliau disaat kekurangan pelanggan atau tempahan dibatalkan | 1. Banyak kali berlaku<br>2. Mengalami banyak kerugian |
| 24.05 | Menerangkan tentang cara beliau mengatasi masalah tersebut | 1. Berdoa<br>2. Tawakkal<br>3. Menjual kepada pelanggan yang datang ke kedai |

| | | |
|---|---|---|
| 24.35 | Bercakap mengenai harga jualan sate tempahan yang dibatalkan kepada pelanggan yang datang ke kedai | Dijual dengan harga promosi |
| **BAHAGIAN 5: KEJAYAAN** | | |
| 25.00 | Menceritakan mengenai anugerah yang pernah diterima oleh beliau | Tiada sebarang anugerah |
| 25.35 | Menerangkan tentang liputan media yang pernah datang ke kedai sate Mastura | 1. Astro Awani<br>2. Berita Harian<br>3. Radio Terengganu |
| 25.56 | Bercakap tentang kerjaya beliau yang disiarkan | Bercerita tentang cara mak cik menjual sate |
| 26.40 | Menceritakan tentang perasaan beliau ketika ditemu bual oleh pihak media | 1. Rasa gemuruh<br>2. Ramai yang datang |
| **BAHAGIAN 6: SUMBANGAN** | | |
| 27.35 | Bercakap tentang sumbangan beliau terhadap masyarakat sekeliling | Peluang pekerjaan |
| 28.00 | Menceritakan tentang sumbangan lain beliau terhadap masyarakat sekeliling | 1. Menjadi inspirasi kepada peniaga baru<br>2. Memberi didikan kepada peniaga baru |
| 29.41 | Menerangkan tentang sumbangan yang diberikan kepada masyarakat merupakan salah satu strategi beliau | 1. Supaya rezeki mak cik bertambah<br>2. Untuk menambah keberkatan dalam rezeki |

| BAHAGIAN 7: HARAPAN | | |
|---|---|---|
| 30.40 | Bercakap tentang perasaan dan harapan beliau semasa memberi sumbangan | 1. Gembira dapat tolong orang<br>2. Dapat majukan lagi perniagaan |
| 32.26 | Menceritakan tentang harapan beliau terhadap generasi yang ingin memulakan perniagaan pada masa akan datang | Mereka dapat mengawal untung rugi dalam perniagaan |
| 35.25 | Menerangkan tentang pesanan beliau kepada anak muda yang ingin berniaga sate | 1. Jangan cepat putus asa<br>2. Mula dengan langkah berani<br>3. Perlu ada ilmu |
| 38.01 | Bercakap tentang bayaran yang dikenakan oleh beliau | Tiada bayaran |
| 40.55 | Menjelaskan tentang kata kata motivasi beliau kepada bakal usahawan | 1. Tuntut ilmu mengenai perniagaan<br>2. Buat ikut giliran<br>3. Selalu fikir positif |
| 43.48 | Menceritakan tentang apa yang beliau pelajari selama menceburi bidang perniagaan | Belajar erti kegagalan |
| 45.39 | Menerangkan tentang impak yang diberikan oleh perusahaan beliau terhadap warga besut | 1. Peluang pekerjaan<br>2. Penggunaan sumber tempatan |
| 50.09 | Bercakap mengenai perniagaan sate Mastura telah menjadikan Besut sebuah daerah yang terkenal | Ya |

| | | |
|---|---|---|
| 52.57 | Menceritakan tentang pengalaman beliau mendapat pujian dari pelanggan mengenai keunikan dan kesedapan sate Mastura dari sate lain | 1. Selalu ada<br>2. Orang tahu menilai yang mana lagi terbaik |
| 56.45 | Menerangkan tentang keunikan dan kesedapan sate Mastura boleh dijadikan sebagai kuasa viral untuk beliau lebih maju ke hadapan | Betul |
| 58.41 | Bercakap tentang perancangan beliau pada masa akan datang | 1. Besarkan kedai<br>2. membuka lebih banyak peluang pekerjaaan. |
| 60.35 | Menceritakan pendapat beliau tentang kewajaran mengangkat makanan Melayu sebagai satu warisan | Ya, sangat wajar |
| 64.25 | Menerangkan tentang pendapat beliau dalam memartabatkan makanan Melayu dapat mengangkat negara Malaysia menjadi lebih unggul di mata dunia | 1. Ya<br>2. Malaysia mempunyai banyak makanan yang unik dan sedap<br>3. Sering mendapat pujian dari pengunjung luar negara. |

# DIARI KAJIAN

## DIARI KAJIAN

| MASA | TARIKH | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| **8.00 Pagi** | 20 Oktober 2020 | Kami diberikan penerangan oleh Puan Nurulannisa mengenai "Oral History" dan tajuk kajian lisan pada tahun ini ialah "Alumni FPM UiTM 1968"<br><br>Puan Nurulannisa mengarahkan pelajar untuk membentuk kumpulan seramai dua orang satu kumpulan dan Puan Nurulannisa menyuruh setiap kumpulan memikirkan tempat untuk dibuat kajian. | Membuat catatan tentang kajian lisan dan tajuk tugasan yang perlu dilakukan.<br><br>Menentukan siapakah ahli kumpulan. |
| **8.00 pagi – 10.00 pagi** | 21 Oktober 2020 | Senarai nama tokoh diberikan oleh Puan Nurulannisa dan beberapa rakan sekelas bagi mendapatkan kepastian mengenai tokoh yang bakal ditemuduga. | Beberapa rakan sekelas menghantar senarai nama tokoh di dalam senarai di "Whatsapp". |
| **8.00 pagi** | 27 Oktober 2020 | Disebabkan atas beberapa kekangan, kajian lisan pada tahun ini diubah kepada "Local content" iaitu tokoh tempatan yang berada di kawasan Pantai Timur.<br><br>Puan Nurulannisa juga menerangkan beberapa tugasan yang perlu dilakukan seperti "Proposal" dan "Abstract". | Mengemaskini catatan.<br><br>Mengambil maklum akan tugasan yang perlu dihantar. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **2.10 petang** | 27 Oktober 2020 | **Menyenaraikan tokoh**<br><br>Menyenaraikan tokoh untuk membuat pilihan. | Catatan dilakukan untuk mendapatkan maklumat tentang tokoh yang ingin dipilih. |
| **8.00 pagi – 12.00 tengahari** | 28 Oktober 2020 | Kami mengusulkan 2 orang tokoh yang ingin ditemubual iaitu "Sate Mastura & cikgu OKU" | Mendapat persetujuan daripada Puan Nurulannisa. |
| **8.00 pagi – 12.00 tengahari** | 29 Oktober 2020 | **Menyediakan abstrak**<br><br>Mengambil keputusan untuk membuat abstrak bagi 2 tokoh yang telah dipilih. | Catatan dilakukan untuk proses menyediakan abstrak. |
| **9.00pagi-9.30 pagi** | 5 November 2020 | **Proses menghantar abstrak untuk disemak**<br><br>Menunggu Puan Nurulannisa meluluskan abstrak untuk ke peringkat seterusnya. | Catatan dilakukan untuk menunggu keputusan pensyarah untuk meluluskan abstrak. |
| **9.00 pagi -10.00 pagi** | 9 November 2020 | **Menambah isi kandungan dalam abstrak**<br><br>Disarankan menambah isi kandungan dalam abstrak kerana abstrak belum diluluskan. | Catatan dilakukan untuk menambah isi kandungan dalam abstrak. |
| **2.00 petang- 4 petang** | 9 November 2020 | **Proses menghantar abstrak untuk kali kedua.** | Catatan dilakukan untuk menunggu keputusan. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Menunggu Puan Nurulannisa menyemak abstrak. | Puan Nurulannisa untuk meluluskan abstrak. |
| **9.00 pagi – 10.00 pagi** | 15 November 2020 | **Abstrak diluluskan**<br><br>Mencari maklumat untuk menyiapkan penyediaan awal dan proposal. | Catatan dilakukan untuk proses membuat proposal. |
| **10.00pagi- 12.00 tengahari** | 16 November 2020 | **Panggilan Telefon**<br><br>Menghubungi keluarga tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah untuk bertanya tentang tokoh sekaligus meminta nombor telefon tokoh untuk menghubunginya. | Catatan awal dilakukan untuk proses membuat proposal. |
| **9.00malam – 9.30malam** | 17 November 2020 | **Panggilan tokoh**<br><br>Menghubungi tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah. | Catatan dilakukan untuk proses membuat penyediaan awal. |
| **8.00 pagi – 9.00 pagi** | 26 November 2020 | **Proses menghantar penyediaan awal dan proposal**<br><br>Menyediakan draf untuk merangka soalan temubual. | Catatan dilakukan untuk proses merangka soalan untuk temubual tokoh. |
| **8.00 pagi – 9.00 pagi** | 6 Disember 2020 | **Proses menghantar soalan temubual**<br><br>Menunggu keputusan | Catatan dilakukan untuk menyediakan soalan tambahan. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Puan Nurulannisa untuk meluluskan soalan temubual. | |
| **2.55 petang- 3.21 petang** | 13 Disember 2020 | **Mengatur masa untuk perbincangan bersama pensyarah**<br><br>Menghubungi Puan Nurulannisa untuk menetapkan masa perbincangan. | Catatan dilakukan untuk mencatat maklumat yang diberikan. |
| **10.00 pagi -10.30 pagi** | 14 Disember 2020 | **Membuat perbincangan secara atas talian bersama pensyarah**<br><br>Puan Nurulannisa memperbetulkan soalan temubual. | Catatan dilakukan untuk membaiki kesalahan tatabahasa. |
| **2.59 petang** | 15 Disember 2020 | **Proses menghantar soalan temubual untuk kali kedua**<br><br>Menunggu keputusan pensyarah untuk meluluskan soalan temubual. | Catatan dilakukan untuk menyediakan soalan tambahan. |
| **3.01 petang** | 16 Disember 2020 | **Memaklumkan kepada pensyarah bahawa soalan temubual telah dihantar**<br><br>Menunggu keputusan Puan Nurulannisa untuk meluluskan soalan temubual. | Catatan dilakukan untuk menyediakan soalan tambahan. |
| **3.10 petang -3.27 petang** | 16 Disember 2020 | **Pensyarah meluluskan soalan temubual** | Catatan dilakukan untuk menyediakan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Menghubungi<br>Puan Nurulannisa untuk bertanyakan perihal temubual. | peranti untuk menemubual tokoh. |
| **9.00 malam-9.30 malam** | 17 Disember 2020 | **Panggilan Telefon**<br><br>Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali kedua. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah. | Catatan seterusnya dilakukan untuk proses mendapatkan surat kebenaran. |
| **5.00 petang -5.30 petang** | 22 Disember 2020 | **Menghubungi tokoh**<br><br>Memaklumkan kepada tokoh kerana telah berada di perkarangan rumah beliau. Namun temubual pertama harus dibuat sekali lagi kerana tidak menepati piawaian masa yang ditetapkan. | Catatan temubual bersama tokoh dilakukan dan mendapati temubual pertama harus dibuat sekali lagi kerana tidak menepati piawaian masa yang ditetapkan. |
| **4.00petang-5.30 petang** | 23 Disember 2020 | **Menghubungi tokoh**<br><br>Membuat panggilan telefon kepada tokoh. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah untuk kali kedua. | Catatan seterusnya dilakukan untuk proses membuat soalan tambahan. |
| **10.00pagi- 11.07 pagi** | 26 Disember 2020 | **Menghubungi tokoh**<br><br>Memaklumkan kepada tokoh kerana telah berada di perkarangan rumah beliau. | Catatan mengenai temubual tokoh direkodkan. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | |
| **10.00 pagi** | 11 Januari 2021 | **Proses membuat transkrip** Mencatat dan mendengar rakaman temubual tokoh. | Catatan dilakukan untuk mencatat maklumat penting yang disampaikan oleh tokoh. |
| **10.00 pagi** | 26 Januari 2021 | **Proses menghantar audio**<br><br>Menghantar video ke dalam "google drive" kemudian menyalin link. Link tersebut dihantar ke "google meet". | Catatan dilakukan untuk memeriksa ejaan transkrip. |
| **10.00 pagi** | 1 Februari 2021 | **Proses menghantar diari kajian dan transkrip**<br><br>Menghantar diari kajian dan transkrip ke google meet. | Catatan dilakukan untuk proses menyediakan artikel. |
| **5.00 petang** | 4 Februari 2021 | **Proses menghantar artikel** | Proses menyiapkan transkrip lengkap. |
| **10.00 pagi** | 18 Februari 2021 | **Proses menghantar transkrip lengkap** | Proses untuk memasukkan transkrip lengkap ke dalam "hardcover dan CD. |

# SENARAI SOALAN

## PENGUSAHA SATE MASTURA – RAMLAH DOLLAH

**INTERVIEW QUESTIONS**

**Group members**

1. Siti Maryam Binti Donniya (2018260584)
2. Luqman Hakim Bin Abd Aziz (2018205704)

**Interviewee Selection**

- Ramlah Dollah

**1 SESI**

**Pengenalan:** *[rakam sebelum temubual]*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Seajahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai **latar belakang dan pengalaman hidup** seorang tokoh dalam **bidang perusahaan Sate Mastura.** Bersama-sama kami ialah **Puan Ramlah Dollah** yang merupakan seorang **peniaga sate Mastura dari 1977 hingga tahun 2020.** Rakaman ini dijalankan pada tarikh **26 Disember 2020** bersamaan dengan hari **Sabtu** pada pukul **10 pagi** bertempat di **Kedai Sate Mastura**. Temubual ini dikendalikan oleh **Siti Maryam Bt Donniya**. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

**BAHAGIAN A: PENGENALAN AWAL LATAR BELAKANG**

**Assalamualaikum puan, mengenai latar belakang puan ......**

1. Apakah nama penuh puan?
2. Apakah nama panggilan puan?
3. Di manakah tempat puan dilahirkan?
4. Bilakah tarikh puan dilahirkan?
5. Dimanakah tempat asal puan dibesarkan?
6. Siapakah nama ibu dan ayah puan?
7. Berapakah bilangan adik beradik puan?
8. Puan anak yang keberapa dari adik beradik?
9. sudah berapa lamakah puan mendirikan rumah tangga?
10. Apakah nama suami puan?
11. Apa pekerjaan suami puan sekarang?
12. Suami puan berasal dari mana?
13. Apakah pekerjaan suami puan?
14. Sudah berapa lama puan menetap di sini?
15. Berapakah bilangan anak anak puan?
16. Berapakah umur anak anak puan?
17. Adakah dari kalangan anak puan yang berminat untuk meneruskan kerjaya puan sekarang?
18. Jika sebaliknya, apakah bidang yang diceburi oleh anak puan sekarang?
19. Pernahkah puan menyuarakan hasrat untuk anak puan menyambung legasi perniagaan seperti puan?

**BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN**

**Mengenai sejarah pendidikan pula,**

20. Dimanakah puan mula bersekolah rendah?
21. Dimanakah puan bersekolah menengah?
22. Bagaimanakah puan pergi ke sekolah? (kereta, baasikal, jalan kaki, menaiki bas)
23. Apakah subjek kegemaran puan?
24. Apakah pendidikan paling tinggi yang puan dapatkan?
25. Adakah puan pernah menyertai kursus-kursus professional?
26. Boleh puan kongsikan kenangan manis puan sepanjang belajar?
27. Apakah cita cita puan semasa puan belajar?
28. Apakah bidang yang puan minati?
29. Bagaimanakah pencapaian akademik puan semasa puan bersekolah?
30. Siapakah idola puan semasa puan bersekolah?

**BAHAGIAN C: PENGALAMAN KERJAYA**

**Mengenai pengalaman kerja puan pula,**

31. Selepas tamat pengajian, apakah pekerjaan pertama puan lakukan?
32. Pada tahun berapa puan mula bekerja?
33. Berapa lamakah puan bekerja di situ?
34. Mengapa puan bekerja di situ?
35. Berapakah gaji pertama puan pada waktu itu?
36. Boleh puan ceritakan pengalaman puan bekerja di situ?

**BAHAGIAN D: SEJARAH BERMULANYA KERJAYA SATE**

37. Sebelum puan memulakan perniagaan sate, berapa banyakkah pekerjaan yang puan pernah lakukan?
38. Apakah jenis pekerjaan yang puan lakukan sebelum memulakan perniagaan sate?
39. Bagaimanakah puan boleh memilih pekerjaan sebagai peniaga sate?
40. Adakah puan mengikuti jejak sesiapa dalam menceburkan diri dalam kerjaya ini? Mungkin diinspirasikan oleh idola puan?
41. Siapakah yang menjadi dorongan kepada puan untuk memulakan perniagaan sate?
42. Boleh saya tahu, Siapakah pengasas pertama Sate Mastura?
43. Apakah hubungan puan dengan pengasas Sate Mastura tersebut?

44. Bagaimana puan boleh mengenali pengasas tersebut?
45. Dari mana datangnya idea untuk menjual sate?
46. Dimanakah lokasi pertama penjualan sate?
47. Berapakah modal yang digunakan?
48. Siapakah orang yang terawal mula menjual sate di kawasan tersebut?
49. Apakah premis yang digunakan ketika diawal permulaan perniagaan?
50. Siapakah yang membantu puan diawal memulakan perniagaan?
51. Berapakah jumlah pendapatan puan setiap bulan ketika diawal perniagaan?
52. Berapakah jumlah pendapatan puan setiap bulan pada ketika ini?
53. Mengapa sate disini dikatakan unik?
54. Mengapa penyediaan sate disini tidak menggunakan peralatan moden?
55. Benarkah apa yang dikatakan masyarakat bahawa sate puan menjadi pencabar kepada sate kajang?
56. Berapa lama masa yang diambil untuk perniagaan Sate Mastura dikenali oleh ramai masyarakat?
57. Bolehkah puan ceritakan kelebihan Sate Mastura?
58. Boleh puan kongsikan serba sedikit mengenai resepi Sate Mastura?
59. Adakah benar resepi sate di sini tidak berubah dari dulu hingga sekarang?
60. Mengapa sate disini dikatakan makanan yang sihat?
61. Berapa ramaikah pekerja disini?
62. Berapakah bayaran yang puan berikan kepada pekerja setiap bulan?
63. Apakah Strategi yang puan gunakan untuk menghadapi persaingan?
64. Apakah perasaan puan apabila ramai peniaga-peniaga sate baru turut menjual di lokasi yang sama?
65. Apakah strategi puan untuk meneruskan perniagaan Sate Mastura dalam pandemik Covid-19?
66. Apakah jenis teknik pemasaran yang digunakan untuk perniagaan sate?
67. Sepanjang Kedai sate Mastura ini dibuka, berapa bilangan pelawat atau pengunjung dari luar yang datang singgah di kedai ini?
68. Apakah pendapat puan tentang keadaan kedai Sate Mastura ini dalam tempoh 10 tahun akan datang?
69. Apakah cabaran yang dihadapi semasa berkecimpung dalam dunia perniagaan sate Mastura?
70. Bagaimana puan mengatasi cabaran tersebut?

71. Pernahkah puan merasa putus asa sepanjang perniagaan dijalankan?
72. Apakah perasaan puan sekiranya ada orang yang ingin menjatuhkan perniagaan puan?
73. Apakah tindakan puan sekiranya berlaku masalah tersebut?

**BAHAGIAN E: KEJAYAAN**

74. Sepanjang menjadi usahawan sate, pernahkah puan menerima sebarang anugerah?
75. Adakah anugerah tersebut daripada daerah Jabi, negeri Terengganu ataupun negara Malaysia?
76. Siapakah yang menyampaikan anugerah tersebut kepada puan?
77. Dimanakah puan menerima anugerah tersebut?
78. Pada tahun berapakah anugerah tersebut disampaikan?
79. Apakah liputan media massa yang pernah diadakan di kedai Sate Mastura ini?
80. Bagaimana kerjaya puan disiarkan dalam surat khabar?

**BAHAGIAN F: SUMBANGAN**

81. Apakah sumbangan perusahaan sate puan terhadap masyarakat sekeliling?
82. Adakah puan menganggap sumbangan yang puan berikan merupakan salah satu strategi untuk perniagaan puan dikenali oleh masyarakat?
83. Apakah perasaan dan harapan puan ketika memberi sumbangan kepada masyarakat?

**BAHAGIAN G: HARAPAN**

84. Apakah harapan puan terhadap generasi yang ingin memulakan perniagaan pada masa akan datang?
85. Apakah pesanan puan kepada anak muda sekarang yang ingin memulakan perniagaan, terutamanya perniagaan sate?
86. Bolehkah puan memberi sedikit kata kata motivasi untuk dijadikan inspirasi kepada golongan muda yang ingin memulakan perniagaan?
87. Jika rakan atau masyarakat sekeliling berminat untuk menceburi bidang perniagaan ini apakah yang akan puan lakukan?
88. Apakah kata kata motivasi kepada bakal usahawan?
89. Apakah yang dapat puan pelajari selama berkecimpung dalam bidang perniagaan sate?

90. Pada pendapat puan, apakah impak yang telah perusahaan sate Mastura ini berikan kepada warga Besut?
91. Apakah inisiatif yang Puan ingin lakukan untuk menarik lagi minat orang ramai untuk datang ke kedai sate ini?
92. Apakah perancangan puan pada masa hadapan?

**Penutup:** *[rakam selepas temubual]*

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai **pengalaman dan sumbangan Puan Ramlah Dollah di sepanjang berkhidmat sebagai Pengusaha Sate dari 1 Disember 1977 hingga 20 Januari 2020.** Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang **perniagaan** kepada generasi dan bakal peniaga pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# SURAT PERJANJIAN

# SURAT PERJANJIAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ...RAMLAH BT DOLLAH... K/P: ...670601-03-5034... pada ...26/12/2020...dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
   a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

..........................................

(Nama tokoh RAMLAH DOLLAH )
Tarikh: 26/12/2020

..........................................

(Nama pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Scanned with CamScanner

*Figure 2: Surat perjanjian bersama tokoh*

# INDEKS

# INDEKS


**A**

Ayah, 2,9,10

Anak, 2,8

**B**

Bachok, 1,

Belajar, 4,5,7

Berniaga, 4,7,8,10

**C**

Comey, 23

**D**

Dah, 3,8,10,11,15

Dollah, 2

**I**

Itu, 3,4,5,6,7,8,10,11,12

Ini, 2,3,4,5,6,7,9,11,12

**J**

Jabi, 2,3,4,10

**L**

Lepastu, 3,5,6,7,9,11,12

**M**

Mak cik, 1,2,4,5,7,9,11,12

Mas, 2,6,9,13

Meksom, 2,

**N**

Nering, 4

**P**

Pernah, 3,4,7,12,15,17

Pasal, 3,7,15,16,17,19

**S**

Sate, 3,4,7,9,10,11,12,13

**T**

Tak, 2,3,4,5,6,7,8,

**U**

Unik, 11,21